

Tatacara dan Pengaruh dalam Istiadat Menjunjung Duli di Negeri Selangor

Procedure and Factors Impacting the Ceremonial Menjunjung Duli in the State of Selangor

Muhamad Adha bin Abd Jalil¹, Ros Mahwati binti Ahmad Zakaria² & Mohd Rosli bin Saludin³

^{1,2,3} Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia;

Article progress

Received: 10 January 2023

Accepted: 19 September 2023

Published: 30 November 2023

*Corresponding author:

Muhamad Adha bin Abd Jalil,
Institut Alam dan Tamadun
Melayu, Universiti Kebangsaan
Malaysia, 43600 UKM Bangi,
Selangor Darul Ehsan,
Malaysia;
Email:
P110805@siswa.ukm.edu.my

Abstrak: Istiadat Menjunjung Duli yang diamalkan di negeri Selangor sejak zaman dahulu mempunyai seni dan kebudayaan yang tersendiri. Tatacara Istiadat Menjunjung Duli di negeri Selangor berbeza dengan negeri Perak yang dikhususkan kepada yang beragama Islam sahaja tetapi di negeri Selangor melibatkan penerima gelar yang beragama Islam dan bukan yang beragama Islam. Namun, yang diperjelaskan di bawah ini adalah khusus kepada orang yang beragama Islam. Tatacara Menjunjung Duli di negeri Selangor merupakan gabungan sosiobudaya dari negeri Perak dan tanah Luwu (Bugis). Elemen Bugis yang boleh dilihat adalah ragam seni gerak ketika lafaz taat setia memegang Lembing Sembuana dan menjunjung duli yang memperlihatkan kepahlawanan leluhur Raja Pemerintah negeri Selangor yang berasal dari Luwu (Bugis). Berdasarkan kepada pemerhatian yang dilalui sendiri oleh pengkaji yang menghadiri Istiadat Pemasyhuran Gelaran dan Mengangkat Sumpah serta Menjunjung Duli bagi Orang-Orang Besar Istana, Orang Besar Daerah dan Dato'-Dato' Diraja Selangor yang berlangsung pada 17 Mac 2018 di Istana Alam Shah, Klang, terdapat beberapa proses dalam Istiadat Menjunjung Duli di negeri Selangor sebagaimana yang dinyatakan dalam Rajah 1. Tatacara Menjunjung Duli di negeri Selangor berbeza sama sekali dengan negeri-negeri lain. Berikut adalah huraian mengenai tatacara mengangkat sumpah bersaksikan Lembing Sembuana, Tatacara Menjunjung Duli dan Tatacara Mengadap Kembali Menyembahkan Persembahan. Keunikan adat menggelar pembeda di alam Melayu adalah sama pada hakikatnya suatu masa lalu, iaitu dengan pemberian persalinan. Namun dewasa ini, jika hendak dibandingkan dengan adat asal yang masih kekal di amalkan di negeri Perak, berlaku beberapa evolusi tetapi masih melestarikan pemberian persalinan dan beberapa elemen lain menyerap masuk dalam adat menggelar pembeda di negeri Selangor. sehingga ianya menjadi satu adat istiadat yang unik untuk dihuraikan.

Kata kunci: Istiadat, Menjunjung Duli, Orang Besar Selangor, Pangkat Gelaran;

Abstract: Since ancient times, the ceremonial Menjunjung Duli has been performed in the state of Selangor and has its unique art and culture. In contrast to the state of Perak, where only Muslims are allowed to participate in the Ceremonies of Honouring the King, Selangor's ceremonies include both Muslim and non-Muslim recipients of the title. The information follows, however, applies only to Muslims. The ceremonial Menjunjung Duli practice in the state of Selangor combines aspects of the Luwu (Bugis) and Perak socio-cultural spheres. When the manifestation of allegiance retains the Sembuana Spear and preserves the aristocracy, the Bugis element may be

observed in a variety of movement art, displaying the bravery of the ruling king of Selangor's (Bugis) predecessors. According to the researcher's observations of the Title-proclamation ceremonies, oath-taking ceremonies, and ceremonies Menjunjung Duli for Orang-Orang Besar Istana, Orang Besar Daerah and Dato'-Dato' Diraja Selangor which took place on 17 March 2018 at Istana Alam Shah, Klang. Several procedures are carried out during the ceremonial Menjunjung Duli in the state of Selangor, as shown in Figure 1. Selangor's Menjunjung Duli method is entirely distinct from those of other states. The process for swearing to witness the Sembuana Spear, honouring the nobles, and returning to provide offerings are all described in the following sections. The gift of garments is what makes the Malay world's chief-naming tradition distinctive, just as it did in the past. When compared to the original custom, which is still observed in the state of Perak, the custom of calling the chief in the state of Selangor today has undergone some evolutions while retaining the gift of clothing and some other elements, making it a distinctive custom that needs to be described.

Keywords: Ceremonial, Menjunjung Duli, Orang Besar of Selangor, Title Rank

Pengenalan

Negeri Selangor antara negeri yang mengamalkan Istiadat Menjunjung Duli diiringi dengan paluan nobat yang akan dilalui oleh Waris Utama, Raja Bergelar, Orang-Orang Besar Istana, Orang Besar Daerah dan Dato'-Dato' Diraja. Dato'-Dato' Diraja ini adalah individu yang telah memberi jasa dan khidmat bakti yang tinggi dan ianya bukanlah seperti penerima Dato'-Dato' yang menerima pingat kebesaran. Menurut Mohd Yusoff Hashim (2001), sesuai dengan corak jasanya, penerimanya berbangsa Melayu atau bukan, membawa gelaran, seperti Dato' Setia Bakti, Dato' Kurnia Diraja, Dato' Indera Pahlawan dan lain-lain. Ianya juga ada kaedah dan tatacara tertentu, bercorak tradisional, yang harus dilakukan oleh penerimanya dan ianya tidaklah semudah anugerah ini diberikan. Manakala, bagi mereka yang menyandang jawatan Pegawai Menjawat Gelaran Istiadat tidak terlibat dalam Istiadat Menjunjung Duli dan mereka hanyalah menyandang jawatan kerana perkhidmatan. Mereka mempunyai gelaran di sisi Istana seperti Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor, Dato' Pengelola Bijaya Diraja kepada Sultan Selangor, Dato' Lela Bakti Setiausaha Sulit kepada Sultan Selangor, Mualim Indera Wangsa, Al Fadil Imam Paduka, Dang Perwara. Menurut Ahmad Farhan Abdullah@Zakaria (2013), bermula pentadbiran Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Pejabat Sultan Selangor merangkumi Sultan, Raja Muda, Orang Besar Negeri (OBN), Orang Besar Istana (OBI) dan Orang Besar Daerah (OBD) Selangor. OBN, OBI dan OBD dikategorikan dalam OBS Major. OBI turut mempunyai kategori berstatus OBI

Minor. Oleh demikian, Dato'-Dato' Diraja yang dilantik berada dalam status OBI Major dan ada juga dalam kategori OBI Minor. Antara OBI Minor adalah Panglima Perang Kanan Aman Diraja.

Walaupun Malaysia mempunyai sembilan buah negeri beraja, hanya dua buah negeri sahaja yang mengamalkan Istiadat Menjunjung Duli diiringi dengan paluan nobat semasa berlangsungnya adat tersebut iaitu negeri Perak dan negeri Selangor. Di negeri Selangor, adat ini perlu dilalui oleh Waris Utama, Raja Bergelar, Orang-Orang Besar Istana, Orang Besar Daerah dan Dato'-Dato' Diraja dan tatacara tersebut adalah untuk pengesahan gelaran yang dikurniakan kepada mereka. Istiadat ini juga tidak khusus kepada pembesar yang beragama Islam sahaja tetapi turut dilalui kepada mereka yang dikurniakan Dato' Diraja bagi yang bukan beragama Islam. Kajian Istiadat Menjunjung Duli di negeri Selangor adalah adat menggelar pembesar Melayu di negeri Selangor dan ianya adalah kajian yang masih belum lagi dikaji dan direkodkan (Tengku Jamaluddin, 2022). Oleh hal demikian, kajian ini akan merekodkan sejarah dan asal usul Istiadat Menjunjung Duli yang wujud di negeri Selangor.

Metodologi Kajian

Kajian ini adalah penyelidikan yang dibuat menggunakan kaedah kualitatif dengan pendekatan deskriptif dalam merekod dan menghuraikan secara mendalam Istiadat Menjunjung Duli yang diamalkan di negeri Selangor. Berdasarkan kepada kajian ini, penyelidikan kualitatif adalah metodologi yang

bersesuaian untuk meneroka sesebuah proses sosial secara lebih mendalam (Silverman, 2013). Data kajian ini dikumpulkan melalui teknik-teknik pengumpulan data seperti temu bual separa berstruktur, pemerhatian turut serta dan analisis dokumen. Pemerhatian turut serta juga menjadikan pengkaji sebagai peserta yang aktif dan status pengkaji diketahui oleh peserta lain (Chua, 2011). Pemerhatian turut serta ini berdasarkan pengalaman ketika pengkaji terlibat sebagai pengamal media dalam merakam segala bentuk tatacara adat tersebut ketika menghadiri Istiadat Menjunjung Duli sempena Istiadat Pemasyhuran Gelaran dan Mengangkat Sumpah serta Menjunjung Duli bagi Orang-Orang Besar Istana, Orang Besar Daerah dan Dato'-Dato' Diraja Selangor yang berlangsung pada 17 Mac 2018 di Istana Alam Shah, Klang.

a. Kriteria pemilihan informan kajian

Dalam memilih informan kajian, pengkaji menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) (Creswell, 2007; Merriam & Tisdell, 2016; Othman Lebar, 2015; Silverman, 2013, 2017). Menurut Neuman (2011) proses mengenalpasti peserta kajian berdasarkan kepada kriteria yang telah ditetapkan. Justifikasi penetapan kriteria ini adalah merujuk kepada fokus kajian iaitu mereka yang pakar dan terlibat dalam hal ehwal adat istiadat diraja di negeri Selangor ataupun mereka yang pernah melalui istiadat menjunjung duli menerima gelaran sahaja. Oleh itu, terdapat tiga kriteria informan kajian yang telah ditetapkan iaitu (i) pakar adat istiadat diraja; (ii) individu yang mempunyai pengalaman melalui istiadat menjunjung duli; dan (iii) kerabat keturunan atau waris Sultan-Sultan Selangor. Oleh itu terdapat empat orang informan yang menepati kriteria yang telah ditetapkan iaitu Tengku Sulaiman Shah ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Tengku Dato' Dr. Jamaluddin bin Tengku Mahmud Shah, Tengku Azlan Shah bin Tengku Dato' Dr. Jamaluddin dan Raja Kobat Salehuddin ibni Almarhum Raja Muda Musa. Dua informan tambahan yang dibuat temu bual secara tidak struktur iaitu Raja Dato' Abdul Hamid bin Raja Haji Nong dan Tengku Dato' Setia Ramli bin Tengku Shaharuddin Shah Al-Haj sebagaimana di Jadual 1 dan Jadual 2.

Jadual 1. Maklumat mengenai informan yang terpilih untuk ditemu bual

No	Nama	Jawatan dan Alamat	Pengalaman	Tarik h/ Masa
1.	Y.A.M Tengku Sulaiman Shah Al-Haj ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj	Tengku Laksamana Selangor. Istana Alam Shah, Jalan Istana, Kawasan 1, 41000 Klang, Selangor Darul Ehsan	Berkhidmat selama hampir 43 tahun di Istana Alam Shah sebagai Ketua Adat Istiadat Diraja Selangor. Dilantik sebagai Raja Bergelar pada 1 Ogos 1970.	24 Mac 2022
2.	Y.D.M Tengku Dato' Dr. Jamaluddin bin Tengku Mahmud Shah Al-Haj	Tengku Orang Kaya Maha Bijaya Sepang Orang Besar Daerah Sepang Istana Alam Shah, Jalan Istana, Kawasan 1, 41000 Klang, Selangor Darul Ehsan	Pernah menjalani Istiadat Menjunjung Duli gelaran Tengku Orang Kaya Maha Bijaya Sepang. Terlibat dalam tugas-tugas ketika Istiadat Menjunjung Duli di Istana Alam Shah.	8 Mei 2022
3.	Y.M Tengku Azlan Shah bin Tengku Dato' Dr. Jamaluddin	Anak Raja Berempat Istana Alam Shah, Jalan Istana, Kawasan 1,	Terlibat dalam tugas-tugas keistanaan dan pembawa alat kebesaran	8 Mei 2022

		41000 Klang, Selangor Darul Ehsan	negeri Selangor.	
4.	Y.M Raja Kobat Salehuddi n ibni Almarhu m Raja Muda Musa	Waris Negeri Perak & Pakar Sejarah dan Adat Istiadat Istana D.Y.T.M Raja Muda Perak Istana Al- Ridhuan Jalan Raja Di-Hilir, 30350 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.	Pakar Budaya dan Sejawaran Diraja Negeri Perak semenjak tahun 1973.	11 Jun 2022

Al- Haj bin Teng ku Sharu ddin Shah Al- Haj	Jalan Istana, Kawasan 1, 41000 Klang, Selangor Darul Ehsan	Ringkas Pengurniaan Pangkat dan Pemasyhuran Gelaran serta Istiadat Menjunjung Duli Pembesar Istana dan Daerah di Negeri Selangor Darul Ehsan 2005.	Berstru ktur
--	---	---	-----------------

Jadual 2. Maklumat mengenai informan yang terpilih di temu bual secara tidak struktur

No	Nama	Jawatan dan Alamat	Pengalaman	Tarikh / Masa
1.	Y.M Raja Dato' Abdul Hamid bin Raja Haji Nong ,	Orang Besar Istana, Y.D.M Engku Maha Kurnia Sri Amar Diraja, Bukit Tinggi, Klang. Selangor Darul Ehsan	Orang Besar Istana Mantan Penghulu Adat Diraja Selangor. Mula dilantik sebagai Panglima Perang Kiri Aman DiRaja pada tahun 1952	20 Julai 2013
2.	Y.M Tengku Dato' Setia Ramli	Orang Besar Istana Alam Shah,	Ahli Dewan Di-Raja Selangor. Penyusun buku Sejarah	12 Mac 2022 Tembu al Tidak

b. Kriteria pemilihan lokasi

Pemilihan negeri Selangor Darul Ehsan sebagai lokasi kajian adalah disebabkan dua faktor iaitu penobatan Sultan Selangor daripada Sultan Perak yang bersusur galur dari kesultanan Melayu Melaka. Faktor pertama, negeri Selangor terbentuk sebagai sebuah kerajaan yang didaulatkan pada November 1766 oleh Paduka Seri Sultan Mahmud Shah ibni Almarhum Sultan Muhammad Shah iaitu Paduka Seri Sultan Perak ke-16. Baginda memperaku dan menobatkan Raja Lumu sebagai Sultan Salehuddin iaitu Yang di-Pertuan Selangor pertama dan secara tidak langsung menjadi pengasas kepada Kesultanan Selangor apabila dianugerahkan nobat sebagai lambang pengiktirafan dan pembebasan jajahan Selangor di bawah takluk kerajaan Johor Pahang Riau Lingga.

Sebelum penganugerahan nobat, Raja Lumu telah terlebih dahulu dilantik sebagai Raja Kecil Jajahan Selangor pada tahun 1743 oleh paduka ayahandanya iaitu Paduka Seri Opu Daeng Chellak ibni Opu Tendriburung Daeng Rilaga (Yang di-Pertuan Muda Johor, Pahang, Riau, Lingga kedua). Namun, pada masa yang sama wilayah Selangor telah mempunyai pemimpin di beberapa kawasan. Menurut Ahmad Farhan Zakaria @Abdullah (2018), Dato' Engku mentadbir Klang di bawah payung Johor bermula abad ke-16 hingga abad ke-18. Seterusnya Dato' Engku Klang bersetuju menumpahkan taat setia dan menempatkan jawatannya di bawah pentadbiran Kesultanan Selangor hingga kini. Manakala menurut Mohd Yusoff Hashim (2001), To' Engku Klang, mensyaratkan, hanya selepas Raja Lumu dinobatkan secara adat/ hukum Melayu setempat, barulah baginda diiktiraf daulatnya. Oleh kerana itu, Raja Lumu telah memilih negeri Perak untuk memohon perakuan bernobat yang mewarisi kedaulatan Kesultanan Melayu Melaka. Asalnya Selangor, adalah salah sebatang sungai utama di Tanah Melayu, memiliki sejarah tersendiri, namun sukar

dijelaskan dengan baik, atas alasan kekurangan sumber untuk dirujuk. Penganugerahan nobat dan cap kayu kempa yang diterima adalah penting dalam usaha Raja Lumu membebaskan Selangor daripada takluk kerajaan Johor Pahang Riau Lingga. Perakuan bernobat ini juga telah membuatkan To' Engku Klang akur dan mengiktiraf Raja Lumu sebagai Yang di-Pertuan Besar Selangor. Oleh itu, justifikasi pemilihan negeri Selangor sebagai lokasi kajian adalah disebabkan satu-satu negeri yang memperoleh kedaulatan nobat daripada nisab kesultanan Melaka yang masih diwarisi.

Seterusnya ialah faktor kedua iaitu keunikan adat istiadat yang diamalkan iaitu adat istiadat dwi budaya iaitu bugis Luwu dan Melayu Perak-Melaka. Sistem beraja di negeri Selangor menggunakan sistem adat temenggong sepenuhnya iaitu bapa kepada anak dalam pewarisan takhta. Sistem ini melantik pengganti Sultan, Raja Muda iaitu Waris Utama kepada Kesultanan Selangor melalui Dewan Diraja Selangor iaitu sistem pewarisan yang menjadikan anak pemerintah semasa sebagai bakal pemerintah yang baru. Pernobatan Raja Lumu sebagai Sultan Salehuddin oleh Paduka Seri Sultan Mahmud Shah ibni Almarhum Sultan Muhammad Shah iaitu Paduka Seri Sultan Perak ke-16 secara tidak langsung memulakan adat istiadat yang mempunyai sosiobudaya daripada kerajaan Melayu Perak di negeri Selangor. Menurut Jelani Harun (2011), sebagai sebuah Kesultanan yang berasal-usul daripada Kesultanan Melaka, sebahagian daripada aturan adat istiadat Kesultanan Perak adalah menyamai seperti apa yang pernah diamalkan oleh raja-raja di Melaka, ataupun merupakan lanjutan daripada amalan adat istiadat Kesultanan Melaka. Rentetan daripada itu bermulalah adat istiadat yang mempunyai sosiobudaya daripada kerajaan Melayu Perak di negeri Selangor, sebagaimana yang dinyatakan dalam *Misa Melayu* secara ringkas mengenai peristiwa tersebut. Demikian juga, perihal peristiwa mengenai pertabalan Raja Selangor yang dicatatkan dalam *Tuhfat al-Nafis*.

Dengan wujudnya interaksi pola peradaban Melayu ini, maka berlangsunglah adat istiadat Menjunjung Duli iaitu menyanjungi kedudukan martabat identiti bangsa dengan melakukan pola-pola memelihara kebudayaan Melayu semenjak zaman berzaman. Sejarah Melayu (1938) telah menerangkan adat istiadat tersebut di zaman Sultan Muhammad Shah (Sultan Melaka). Keunikan adat ini mengandungi gabungan elemen kebudayaan dan seni gerak daripada Melayu dan Bugis Luwu (Tengku Azlan Shah, 2022). Negeri Perak, sebagai sebuah negeri kelangsungan Kesultanan Melayu Melaka yang penuh dengan ketinggian adat istiadat dalam tatatusila orang Melayu, sehingga kini masih mengekalkan dan mengamalkan adat istiadat terdahulu sejak kedatangan Raja Muda Mudzaffar Shah (Muhamad Adha Abd Jalil,

2020). Budaya dan cara hidup ini terbentuk dalam lingkungan hidup masyarakat itu sendiri meliputi segala unsur dan elemen yang mempengaruhinya (A. Aziz, 2005).

Melalui temu bual tidak berstruktur pengkaji dengan Tengku Ramli (2022), beliau menjelaskan bahawa adat menjunjung duli di negeri Selangor berasal usul daripada negeri Perak dan beliau menyarankan agar sejarah asal usul adat menggelar ini perlu diterokai di negeri Perak. Beliau merupakan penyusun buku *Sejarah Ringkas Pengurniaan Pangkat dan Pemasyhuran Gelaran serta Istiadat Menjunjung Duli Pembesar Istana dan Daerah di Negeri Selangor Darul Ehsan 2005* di mana buku ini adalah antara sumber penting yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan.

Jadual 3. Senarai Sultan Selangor yang memerintah dari penubuhan sehingga kini

No.	Alat Kebesaran	Tahun
1	Raja Lumu / Sultan Salehuddin	1766 - 1778
2	Sultan Ibrahim	1778 - 1826
3	Sultan Muhammad Shah	1826 - 1857
4	Sultan Abdul Samad	1857 - 1898
5	Sultan Ala'uddin Suleiman Shah	1898 - 1938
6	Sultan Hisamuddin Alam Shah	1938 - 1942 1945 - 1960
7	Sultan Musa Ghiatuddin Riayat Shah	1942 - 1945
8	Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah	1960 - 2001
9	Sultan Sharafuddin Idris Shah	2001 - kini

Sumber: Ahmad Farhan Abdullah@Zakaria. 2018. Memohon jawatan Orang Besar Selangor 1898-1938. halaman 128. Dalam *Pemerintahan Beraja di Alam Melayu Merentas Zaman*, (editor) Ramlah Adam. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Definisi Istilah

Menjunjung Duli merupakan kata kerja yang menjelaskan sesuatu perbuatan iaitu menjunjung. Menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua ia bermaksud sesuatu di atas kepala. Manakala istilah duli menurut Kamus Dewan Edisi Keempat bermakna debu yang melekat pada kaki. Namun jika diperhatikan perbuatan menjunjung duli itu sendiri adalah perbuatan mengadap raja dengan duduk bertenggul dibawah ketika raja sedang bersemayam di atas singgahsana yang kedudukannya berada tinggi di paras. Apabila seseorang itu mengadap raja maka paras kepalanya berada di paras kaki raja (Raja Kobat Salehuddin, 2022). Maka itulah yang disebut perbuatan menjunjung duli dan bukanlah perbuatan

mengadap raja dengan berdiri. Oleh sebab itu perbuatan mengadap raja daripada zaman berzaman adalah duduk bertenggul.

Dapatan Kajian

Berdasarkan sumber data secara visual (foto), yang dirakam dan melalui pemerhatian oleh pengkaji sendiri ketika menghadiri Istiadat Pemasyhuran Gelaran dan Mengangkat Sumpah serta Menjunjung Duli bagi Orang-Orang Besar Istana, Orang Besar Daerah dan Dato'-Dato' Diraja Selangor yang berlangsung pada 17 Mac 2018 di Istana Alam Shah, Klang. Sepanjang istiadat menjunjung duli ini berlangsung wujud perbezaan dan perbandingan dalam beberapa elemen kepada orang Orang-Orang Besar Istana, Orang Besar Daerah dan Dato'-Dato' Diraja Selangor sebagaimana di jadual 4.


Jadual 4. Maklumat mengenai perbandingan mengikut kategori status

Status	Alat Kebesaran	Persalinan	Seni Gerak	Paluan Nobat
Waris Selangor Orang Besar Istana	Keris Panjang berbalut kain kuning	Busana Melayu Warna Meroon	Seni Gerak (Lela Bantut)	Tidak Bernobata
Bukan Waris Selangor Orang Besar Istana	Keris Panjang berbalut kain kuning	Busana Melayu Warna Meroon	Seni Gerak (Lela Bantut)	Tidak Bernobata
Orang Biasa Berbangsa Melayu Orang Besar Daerah	Keris Panjang berbalut kain merah	Busana Melayu Warna Ungu	Seni Gerak (Lela Bantut)	Tidak Bernobata
Orang Biasa Berbangsa Melayu Dato' Diraja	Pedang Panjang	Berpakaian Baju Kot Bajang (<i>The Tailcoat</i>)	Seni Gerak	Tidak Bernobata

Menurut penjelasan Tengku Jamaluddin (2022), bahawa *anak raja yang melalui Istiadat Menjunjung Duli akan diiringi paluan nobat dan beliau sendiri ketika*

melalui adat menjunjung duli pada 20 Februari 2016 telah dipalu dengan nobat kerana beliau adalah anak raja Selangor. Namun begitu, ketika Tengku Musahiddin Shah bin Tengku Abdul Samad melalui adat menjunjung duli, beliau tidak dipalu dengan nobat. Melalui analisis visual (foto) ini juga telah membuktikan bahawa Istiadat Menjunjung Duli iaitu Istiadat Pemasyhuran Gelaran dan Mengangkat Sumpah serta Menjunjung Duli bagi Orang-Orang Besar Istana, Orang Besar Daerah dan Dato'-Dato' Diraja Selangor mengandungi beberapa proses adat kecil dalam adat menjunjung duli seperti Rajah 1 di bawah iaitu Adat Pemasyhuran Gelaran, Adat Menjunjung Duli, Adat Menyorok dan Adat Mengadap Kembali. Manakala Jadual 5 merujuk perbandingan persalinan yang diperagakan oleh Raja Pemerintah ketika menyempurnakan Istiadat Menjunjung Duli berdasarkan status bakal penerima pangkat gelaran iaitu Waris Utama dengan Raja Bergelar yang wujud melalui istiadat ini.

Rajah 1. Proses dan elemen yang terdapat dalam Istiadat Menjunjung Duli di negeri Selangor



Jadual 5. Maklumat mengenai perbandingan persalinan Raja Pemerintah

Kategori	Persalinan	Tetampan	Status
Waris Utama	Berbusana lengkap Bermahkota	Tidak Bertetamp an	Raja Muda Selangor
Bukan Waris Utama	Berbusana Melayu lengkap bertanjak	Bertetamp an	Raja Bergelar

Gambar 1. Persalinan Sultan : Waris Utama Koleksi Peribadi



Gambar 2. Persalinan Sultan : Raja Bergelar Koleksi Peribadi



Analisis Tatacara Menjunjung Duli

Istiadat Menjunjung Duli di negeri Selangor mempunyai beberapa persamaan dan juga perbezaan dengan negeri Perak. Di negeri Perak individu yang akan melalui adat menggelar hanya dikhususkan kepada yang beragama Islam sahaja tetapi di negeri Selangor melibatkan penerima gelar yang beragama Islam dan bukan yang beragama Islam. Istiadat Menjunjung Duli di negeri Selangor merupakan gabungan sosiobudaya daripada Bugis Luwu dan Melayu Perak. Kebudayaan dalam adat menggelar di negeri Selangor, mengandungi adat dan tatatusila dengan paluan nobat yang akan dilalui oleh mereka yang bergelar terdiri daripada anak-anak raja sahaja. Paluan nobat dimainkan dengan lagu “Lenggang Cik Kobat”, dipalu semasa Istiadat Menjunjung Duli bagi Raja-Raja dan Tengku-Tengku dan Pelantikan Raja Muda sahaja. Ia dipalu pada waktu pergi dan balik dari Balai Rongseri (Adat Istiadat Diraja Selangor, 2004). Nobat hanya boleh di mainkan oleh Orang Kalur yang pada asalnya datang dari negeri Perak. Menurut keterangan Tengku Muhammad Yusof Shah (2013), dahulu, apabila

nobat negeri Selangor hendak dimainkan, maka orang Kalur yang berada di Kampong Gajah, Bota, Perak akan dijemput untuk datang ke negeri Selangor dan selepas selesai memainkan nobat mereka akan pulang semula ke negeri Perak. Namun, semasa era pemerintahan Sultan Hisamuddin Alam Shah ibni Sultan Ala’uddin Suleiman Shah, mereka menghuni terus di kompleks Istana Alam Shah, Klang, diberikan elaun tetap oleh kerajaan Negeri (Mohd Yusoff Hashim, 2001). Menurut penjelasan Raja Abdul Hamid (2013), beliau telah melalui tiga kali adat menggelar kerana menerima tiga pangkat gelaran dari Sultan Selangor iaitu Y.D.M Engku Panglima Perang Kiri Setia Diraja, kemudian Y.D.M Engku Kechil Tengah Selangor dan akhir sekali adalah Y.D.M Engku Maha Kurnia Bijaya Sri Amar Diraja. Berdasarkan kepada penerangan di atas, maka dapat dinyatakan bahawa setiap kali pemberian pangkat gelaran yang diberikan oleh Sultan, ia perlu melalui menjunjung duli iaitu adat menerima gelaran.

1. Adat Pemasyhurannya Gelaran

Pemasyhurannya Gelaran adalah adat yang mengandungi beberapa adat di dalamnya iaitu Mengangkat Sumpah ataupun lafaz taat setia bersaksi Lembang Sembuana. Ia melibatkan beberapa istiadat khusus dan digunakan sebagai saksi apabila dilafazkan sumpah ikrar oleh individu yang terlibat yang menjanjikan taat setia kepada Raja dan Negeri Selangor. Pihak yang berikrar dikehendaki memegang lembing tersebut, sambil melafazkan ikrarnya (Mohd Yusoff Hashim, 2001). Signifikan lembing sembuana dalam lafaz sumpah adalah kerana kedudukan dan martabat senjata tersebut di sisi kesultanan Selangor. Sebagaimana menurut penjelasan Tengku Sulaiman Shah (2022), bahawa lembing sembuana diabadikan dan disimbolkan dalam jata negeri Selangor oleh Sultan Ala’uddin Suleiman Shah semasa pembentukan jata negeri Selangor. Demikian juga dalam menandatangani Akuan Sumpah selaras dengan peruntukan dalam Undang-Undang Tubuh Negeri Selangor selaras Fasal (2) Perkara LV, Bab 3 Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959. Peruntukan ini memperuntukkan kuasa budibicara baginda Sultan mengenai perkara-perkara berkaitan pelantikan orang-orang untuk menyandang pangkat, gelaran, kehormatan dan kebesaran di sisi adat Melayu dan menetapkan fungsi-fungsi yang berkaitan dengannya.

Gambar 3. Mengangkat sumpah bersaksikan Lembang Sembuana. Koleksi peribadi



Gambar 4. Menandatangani Aakuan Sumpah. Koleksi peribadi



2. Adat Menjunjung Duli

Menjunjung Duli adalah adat yang mengandungi tarian bentuk badan dalam memperlihatkan keperkasaan penerima gelaran yang akan mengadap Raja bagi menerima pangkat kehormatan dalam menumpahkan taat setia kepada rajanya. Lenggok menjunjung duli telah diperturunkan dari satu generasi ke generasi dan diajar kepada bakal-bakal penerima pangkat gelaran (Tengku Sulaiman Shah, 2022). Menurut penjelasan Tengku Jamaluddin (2022), *beliau telah diajar tatacara menjunjung duli oleh Panglima Dalam Istana bernama Kadir bin Sapuan dan mana-mana bakal-bakal penerima gelaran juga akan diajar olehnya*. Menerima Keris Kebesaran adalah adat pemberian keris sebagai lambang kuasa kepada pembesar dalam memperakukan bahawa penerima gelar itu ada sumber kuasa dalam menjalankan titah perintah Rajanya. Keris kebesaran atau lebih dikenali sebagai keris kuasa atau baur daripada Sultan akan disambut oleh Orang Besar dengan kedua tangannya dan dicium sarung baur tersebut. Barang siapa yang sedang Menjunjung Duli dalam adat bergelar itu tidak boleh memasang senjata ditubuhnya.

Tambah Tengku Jamaluddin (2022) lagi, semasa beliau diberi maklum akan menjalani istiadat menjunjung duli, beliau dikehendaki untuk menyediakan keris mengikut ketetapan istana. Keris tersebut digunakan dalam istiadat berkenaan dan diserahkan kepada pihak istana. Berlainan dengan negeri Perak, di mana baur adalah milik Raja Pemerintah dan diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi kepada pemilik pangkat gelaran tersebut. Bagi seseorang Orang Besar yang mempunyai baur, Istiadat Penyembahan Kembali baur akan diadakan oleh warisnya apabila pemegangnya meninggal dunia. Waris yang menyimpan baur itu hendaklah menyembahkan kembali baur tersebut kepada Raja Pemerintah. Baur yang dihaskan kepada Raja-Raja atau Orang-Orang Besar Negeri yang bergelar, dikurniakan oleh Raja Pemerintah dalam Istiadat Menjunjung Duli. Raja-Raja dan Orang-Orang Besar Negeri yang bergelar sahajalah yang berhak menerima dan memakai baur (Raja Kobat Salehuddin, 2022).

Gambar 5. Seni Gerak Menjunjung Duli. Koleksi peribadi



Gambar 6. Menerima keris kuasa. Koleksi peribadi



3. Adat Menyorok

Selepas sempurna adat menjunjung duli, maka penerima gelaran akan di bawa keluar daripada Balai Rongseri dan keluar daripada negeri Selangor serta menjalani adat menyorok selama tujuh (7) hari, sama seperti negeri Perak. Di negeri Perak, penerima pangkat gelaran dilarang daripada menyorok di utara negeri Perak. Ketika adat ini berkuatkuasa, terdapat pantang larang yang perlu dipatuhi dan jika tidak dipatuhi akan membawa musibah kepada penerima gelaran tersebut. Semasa tempoh pantang ini tidak boleh sekali-kali penerima gelaran memandang wajah gambar Rajanya atau gambar-gambar istana Selangor dan sebagainya. Maka pada dewasa ini, jika ingin membaca surat khabar, para pengapit yang turut menemani “lari” perlu memeriksa akhbar-akhbar tersebut, demi mengelakkan sekiranya ada gambar-gambar yang dilarang tersiar. Begitu juga apabila menonton televisyen. Oleh itu, demi keselamatannya orang yang menjunjung duli itu tidak boleh menonton siaran televisyen mahupun mendengar radio. Hal ini demikian kerana risikonya adalah berbalik kepada yang empunya diri, antaranya pendek umur dan ditimpa musibah. Menurut keterangan Raja Abdul Hamid (2013), pernah berlaku dua peristiwa Dato’ Diraja berbangsa cina yang menerima gelaran telah melanggar pantang larang semasa dalam adat menyorok. Akibat daripada melanggar pantang larang tersebut, ia membawa musibah kepada mereka iaitu pendek umur.

Gambar 7. Menerima keris kuasa. Koleksi peribadi



Gambar 7 adalah cara menerima keris kuasa dan berundur dengan tertib. Penerima perlu menundukkan kepala apabila berada dalam keadaan memerlukan mengangkat sembah. Dari di tempat permulaan menjunjung duli, penerima perlu berpusing ke belakang dari arah jam dan terus keluar menaiki kenderaan di luar Balai Rongseri bagi menjalankan Adat Menyorok selama tempoh larangan berkuatkuasa iaitu 7 hari.

4. Adat Mengadap Kembali

Adat Mengadap adalah penutup dalam Istiadat Menjunjung Duli di mana di dalamnya mengandungi beberapa adat iaitu adat menjunjung duli seperti mana yang dilakukan dalam bentuk tarian gerak ketika adat pemsyukuran gelaran. Kemudian Adat Mengadap Kembali adalah adat mempersembahkan persembahan kepada Raja Pemerintahan sebagai tanda berterima kasih kerana penerima gelaran telah menerima keris dari Sultan dan penerima pula harus membalas dengan persembahan seperti peribahasa “orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa” (Tengku Sulaiman Shah, 2022).

Namun, menurut Raja Kobat Salehuddin (2022), persembahan yang disampaikan pembesar kepada

Rajanya, adalah bukti-bukti kejayaan pengembaraannya dari rantau dalam usaha memperluaskan jajahan takluk Rajanya. Selepas sempurna adat menyorok selama tujuh hari, maka penerima gelaran akan mengadap Sultan dan menyembahkan persembahan. Mengikut sejarah dan resam, dalam persumpahan janji berbakti, hakikatnya ialah dia bersumpah tidak akan kembali malah menjadi ‘aib’ dia memandang wajah Rajanya, selagi pembesar itu tiada “berjaya” menakluk ataupun memperolehi kemenangan dalam memperluaskan pengaruh peribadinya dan imej Rajanya. Latar belakang riwayat istiadat ini berbalik kepada sejarah kebudayaan di Asia Tenggara iaitu sejarah Suvarnadvipa @ Yavadvipa dalam pola memperluaskan penaklukan dalam melaksanakan ekspedisi penaklukan @ Digvijaya (Raja Kobat Salehuddin, 2022).

Gambar 7. Mengadap setelah sempurna adat menyorok, mengadap dengan memakai persalinan kehormatan berserta keris kebesaran. Koleksi peribadi



Gambar 8. Menyembahkan Persembahan. Koleksi peribadi



Jadual 6. Maklumat mengenai persalinan selepas Adat Mengadap Kembali

Status	Persalinan	Darjah
Waris Selangor	Busana Melayu	Tidak
Orang Besar Istana	Warna Meroon Bersongket Bunga Tabur	
Bukan Waris Selangor	Busana Melayu Warna Meroon	Tidak

Orang Besar Istana	Bersongket Bunga Tabur	
Orang Biasa Berbangsa Melayu	Busana Melayu Warna Ungu Bersongket Bunga Tabur	Tidak
Orang Besar Daerah		
Orang Biasa Berbangsa Melayu	Busana Melayu Warna Ungu Cerah	Dikurnia Darjah Dato' Diraja
Dato' Diraja	Bersongket Bunga Tabur	
Orang Biasa Bukan Berbangsa Melayu	Berpakaian Baju Istiadat (Dress No. 1)	Dikurnia Darjah Dato' Diraja
Dato' Diraja		

Kesimpulan

Adat menggelar pembesar di negeri Selangor merupakan adat yang berasal usul dari Kesultanan negeri Perak. Adat ini tercetus melalui penobatan Raja Lumu sebagai Yang di-Pertuan Besar Selangor. Negeri Selangor terbentuk sebagai sebuah kerajaan yang didaulatkan pada tahun 1766 oleh Paduka Seri Sultan Mahmud Shah ibni Almarhum Sultan Muhammad Shah iaitu Paduka Seri Sultan Perak ke-16. Istiadat Menjunjung Duli juga telah berlaku beberapa elemen budaya yang menyerap masuk dalam adat menggelar pembesar, jika hendak dibandingkan dengan adat asal yang masih kekal di amalkan di negeri Perak, sehingga ianya menjadi satu adat istiadat yang unik untuk dikaji oleh pengkaji. Semua bangsa di dunia ini memiliki budaya dengan cara hidup tersendiri mengikut adat resam mereka.

Istiadat Menjunjung Duli di negeri Selangor berbeza dan unik kerana ianya tidak hanya dikhususkan kepada yang beragama Islam sahaja tetapi melibatkan penerima gelaran yang bukan beragama Islam juga. Adat menggelar di negeri Selangor merupakan gabungan sosiobudaya daripada Melayu dan Bugis Luwu. Elemen Bugis boleh dilihat daripada perlakuan lafaz taat setia memegang Lembing Sembuana, dan seni tari dalam menjunjung duli. Manakala elemen Melayu melibatkan adat menyorok, menerima keris kuasa ketika menjunjung duli dan adat mengadap kembali. Kebudayaan dalam adat menggelar di negeri Selangor juga, diiringi dengan paluan nobat yang akan dilalui oleh mereka yang bergelar Raja Muda, Raja Bergelar, Orang-Orang Besar Istana, Orang Besar Daerah yang berbenih Raja. Manakala, bagi yang menyandang jawatan Pegawai Menjawab Gelaran Istiadat, mereka tidak terlibat dalam Istiadat Menjunjung Duli dan hanyalah

menyandang jawatan kerana perkhidmatan di Pejabat Sultan. Ia tercatat dalam Sejarah Ringkas Pengurniaan Pangkat dan Pemaszyuran Gelaran serta Istiadat Menjunjung Duli Pembesar Istana dan Daerah di Negeri Selangor Darul Ehsan 2005. Mereka yang mempunyai gelaran di sisi Istana adalah seperti Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor, Dato' Pengelola Bijaya Diraja kepada Sultan Selangor, Dato' Lela Bakti Setiausaha Sulit kepada Sultan Selangor, Mualim Indera Wangsa, Al Fadil Imam Paduka, Dang Perwara.

Melalui kajian ini juga dapat membuktikan bahawa negeri Selangor memiliki adat menggelar pembesar yang mempunyai seni dan kebudayaan yang berakar umbi dari kesultanan Melayu Melaka melalui negeri Perak dan masih kekal diwarisi sehingga kini. Selain itu, setiap tatacara yang berlaku dalam Istiadat Menjunjung Duli ini mempunyai nilai-nilai ketinggian tatatusila tamadun Melayu. Justeru, adat menggelar pembesar yang dikenali sebagai Istiadat Menjunjung Duli ini adalah wajar difahami dan diketahui oleh masyarakat Melayu, agar ianya terus diterima sebagai satu lambang keagungan sesebuah negeri yang mempunyai kedaulatannya di era berteknologi kini.

Rujukan

Ahmad Farhan Abdullah@Zakaria. (2018). Surat Menyurat Aristokrat Melayu dalam Memohon jawatan Orang Besar Selangor 1898-1938. Dlm Ramlah Adam (Editor), *Pemerintahan Beraja di Alam Melayu Merentas Zaman* (ms 128-171). Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad Farhan bin Abdullah@Zakaria. (2013). Menyelusuri Jawatan Raja Bergelar dan Orang Besar Selangor dalam Pentadbiran Raja Selangor 1766-1942. *Purba: Jurnal Persatuan Muzium Malaysia*, 32(1), 54-93.

Aziz Deraman. (2005). *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia*. Siri Lestari Budaya. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Chua, Y.P. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan Buku 1*. McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.

Creswell, J.W. (2007). *Qualitative Inquiry & Research Design: Choosing among five approaches*. Sage Publications.

Creswell, J.W. (2012). *Educational Research. Planning Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. (4th ed.). Pearson Education.

Silverman, D. (2013). *Doing Qualitative Research: A practical handbook*. (4th ed.). Sage Publication.

Dewan Undang Selangor. (20 Mac 2020), *Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959*. Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Selangor. <http://dewan.selangor.gov.my/assets/pdf/Undang%20-%20Undang%20Tubuh%20Negeri%20Selangor%201959%20.PDF>

Jelani Harun. (2011). Asal-Usul Raja, Negeri dan Adat Istiadat Kesultanan Perak: Beberapa Variasi dalam Pengekalan dan Penyimpangan Sumber Tradisi. *SARI - International Journal of the Malay World and Civilisation*, 29 (1). 3-35. <http://journalarticle.ukm.my/3307/>

Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2016). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation* (4th ed.). Jossey Bass.

Mohd Yusoff Hashim. (2001). *Dari Luwu ke Darul Ehsan: Kesultanan Selangor*. Kolej Islam Melaka.

Muhamad Adha Abd Jalil. (2020). *Pelestarian Busana Melayu Perak Dalam Seni Ikatan Samping*. Astaka Merchu Alam Resources.

Muhamad Adha Abd Jalil. (2021). *Sultan Ala'uddin Suleiman Shah – Payung Kesentosaan Negeri Selangor*. Akademi Jawi Malaysia.

Neuman, W. Lawrence. (2011). *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*. Pearson.

Othman Lebar. (2015). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metode*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Tengku Ramli Tengku Shaharuddin. (2005). *Sejarah Ringkas Pengurniaan Pangkat dan Pemaszyuran Gelaran serta Istiadat Menjunjung Duli Pembesar Istana dan Daerah di Negeri Selangor Darul Ehsan 2005*. Istana Alam Shah.

Temu bual

Raja Abdul Hamid. (2013). Penghulu Adat Istiadat Diraja Selangor. Di kediaman Bukit Tinggi, Klang, Selangor.

Raja Kobat Salehuddin. (2022). Pakar Sejarah dan Adat Istiadat Perak. Di Istana D.Y.T.M Raja Muda Perak, Istana Al-Ridhuan, Ipoh, Perak.

Tengku Azlan Shah. (2022). Anak Raja Berempat. Di kediaman Rasmi Orang Besar Daerah Sepang, Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang, Selangor.

Tengku Dato' Setia Muhammad Yusof Shah. (2013). Penasihat Adat Istiadat Diraja Selangor. Di kediaman Kampong Istana Alam Shah, Klang, Selangor.

Tengku Jamaluddin. (2022). Orang Besar Daerah Sepang. Di kediaman Rasmi Orang Besar Daerah Sepang, Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang, Selangor.

Tengku Ramli. (2022). Ahli Dewan Diraja Selangor. Di Hotel Concorde Shah Alam, Shah Alam, Selangor.

Tengku Sulaiman Shah. (2022). Ketua Adat Istiadat Diraja Selangor. Di Pejabat Kelana Jaya, Petaling Jaya, Selangor.